

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Perikanan Sabah capai 100 peratus tahap sara diri	BERNAMA
2.	PM ucap tahniah tiga saintis Malaysia menangi anugerah berprestij	BERNAMA
3.	Najib bangga kejayaan tiga saintis	Utusan Malaysia
4.	100 sirens installed for flood warning	The Sun
5.	Membentuk masa depan keusahawanan	Utusan Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)



Perikanan Sabah Capai 100 Peratus Tahap Sara Diri

Tarikh kemaskini: 22/11/2017

KOTA KINABALU, 22 Nov (Bernama) -- Sektor perikanan Sabah telah mencapai 100 peratus tahap sara diri dari segi pengeluaran ikan, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Yahya Hussin.

Beliau berkata, berdasarkan unjuran Dasar Agromakanan Negara, permintaan ke atas hasil perikanan dalam tempoh 10 tahun dijangka meningkat daripada 1.3 juta tan metrik pada 2010 kepada 1.9 juta tan metrik pada 2020.

"Sabah akan terus kekal sebagai penyumbang terpenting kepada hasil perikanan negara.

"Selain itu, hasil keluaran sektor akuakultur marin negara juga dijangka meningkat kepada 790,000 tan metrik menjelang 2020," katanya ketika menyampaikan ucapan penggulungan kementeriannya pada persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah di sini, hari ini.

Selain perikanan, Yahya yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, pengeluaran hasil rumpai laut, yang mana Sabah merupakan pengeluar tunggal, juga dijangka meningkat kepada 780,000 tan metrik menjelang 2020.

Bagi sektor penternakan, beliau berkata, kementeriannya akan terus meningkatkan usaha bagi memastikan keselamatan bahan makanan hasilan haiwan.

Menurutnya, usaha itu termasuk menyediakan rumah penyembelihan haiwan, melesenkan rumah penyembelihan swasta dan penyediaan bilik sejuk yang mana peruntukan sebanyak RM400,000 disediakan untuk tujuan itu pada tahun depan.

Selain itu, beliau berkata, kementeriannya juga bekerjasama dengan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** dan Universiti Putra Malaysia bagi menjalankan penyelidikan ternakan kerbau.

Yahya turut memberitahu sektor pertanian di Sabah sehingga kini bebas perosak dan penyakit utama berikutan usaha penguatkuasaan kuarantin di 18 pintu masuk di negeri ini.

Katanya, pendekatan pengakreditasian ladang bagi memastikan Amalan Pertanian Baik diterapkan dalam setiap aktiviti pertanian turut menyumbang kepada kawalan terhadap perosak dan penyakit pertanian itu.

Dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi luar bandar, Yahya berkata Koperasi Pembangunan Desa (KPD) komited meneruskan programnya di luar bandar dengan RM6.21 juta yang diperuntukkan kepada agensi itu tahun depan.

"Pendekatan melalui konsep perladangan secara kontrak dan perladangan secara perkongsian pintar merupakan strategi utama dalam pelaksanaan projek pembangunan KPD," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)



PM Ucap Tahniah Tiga Saintis Malaysia Menangi Anugerah Berprestij

Tarikh kemaskini: 22/11/2017

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada tiga saintis Malaysia yang memenangi anugerah berprestij bersempena Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-17 mengenai Sains dan Teknologi di Myanmar, bulan lepas.

"Rasa amat bangga dengan pengiktirafan Dr Hafizal Mohamad, Dr Leong Wai Yie dan Prof Chong Mei Fong diterima pada Majlis Anugerah Sains dan Teknologi di Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-17 di Myanmar. Teruskan usaha yang cemerlang. Tahniah!," kata beliau dalam catatan di akaun Twitternya, hari ini.

Sebuah akhbar tempatan baru-baru ini melaporkan Dr Hafizal daripada **Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS)** menerima anugerah ASEAN Outstanding Scientist and Technologist, iaitu sebuah piala dan wang tunai US\$10,000 (RM41,800), sementara Leong daripada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman menerima anugerah ASEAN Meritorious Service, yang menawarkan jumlah hadiah yang sama.

Laporan itu juga menyatakan Prof Chong yang merupakan penyelidik di Nottingham University (Kampus Malaysia) mendapat tempat kedua anugerah ASEAN-US Prize for Women dan membawa pulang hadiah wang tunai US\$5,000 (RM20,900).

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Najib bangga kejayaan tiga saintis

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada tiga saintis Malaysia yang memenangi anugerah berprestij bersempena Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-17 mengenai sains dan teknologi di Myanmar, bulan lepas.

"Rasa amat bangga dengan pengiktirafan Dr. Hafizal Mohammad, Dr. Leong Wai Yie dan Prof. Chong Mei Fong diterima dalam Majlis Anugerah Sains dan

Teknologi di Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-17 di Myanmar. Teruskan usaha yang cemerlang. Tahniah!" kata beliau dalam catatan di akaun Twitternya, hari ini.

Sebuah akhbar tempatan baru-baru ini melaporkan Dr. Hafizal daripada Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS) menerima anugerah *ASEAN Outstanding Scientist and Technologist*, iaitu sebuah piala dan wang tunai AS\$10,000 (RM41,800),

sementara Wai Yie daripada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman menerima anugerah *ASEAN Meritorious Service*, yang menawarkan jumlah hadiah yang sama.

Laporan itu juga menyatakan Mei Fong yang merupakan penyelidik di Nottingham University (Kampus Malaysia) mendapat tempat kedua anugerah *ASEAN-US Prize for Women* dan membawa pulang hadiah wang tunai AS\$5,000 (RM20,900). - BERNAMA

100 sirens installed for flood warning

> Public alert system being reactivated in disaster-prone areas

BY G. SURACH AND HAIKAL JALIL
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The 100 air raid sirens that can be used to warn people of impending natural disasters like floods or tsunami will be reactivated by the National Agency for Disaster Administration (Nadma).

Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi said the government agency had procured more than 100 sirens that come with an automatic switch.

"We are reviving it under Nadma. These sirens used to be by the police force.

"The procured sirens are very loud as their sound is capable of reaching between 2km and 2.5km," he told *theSun* during an interview yesterday.

Stating that the cost of the sirens was not very high, Ahmad Zahid also confirmed that the sirens have been installed at districts around the country which have been identified as flood-prone.

Ahmad Zahid, who also chairs Nadma, said the agency is working closely with the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) in regard to flood warning systems.

"They have these flood alert warning systems which (warn them) of potential floods three days, five days or seven days before it occurs," he said.

Despite having the warning system, Ahmad Zahid admitted that those in charge of the flood warning systems in Penang were caught out due to the unexpected weather pattern.

"They were caught by surprise. They were not ready at all because of the (predicted) cyclone at the northern area close to Penang but it never happened in the area.

"I think the prediction is just a prediction. Sometimes, divine acts cannot be predicted," he said.

On allegations by Penang Chief Minister Lim Guan Eng that MetMalaysia had delayed warning about the floods, Ahmad Zahid said warnings were given but the state chairman for the disaster management committee did not act upon it immediately.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**GLOBAL
ENTREPRENEURSHIP
COMMUNITY
SUMMIT 2017**
DESIGNING THE FUTURE
**MEMBENTUK
MASA DEPAN —
KEUSAHAWANAN**

Persidangan GECommunity 2017 mengumpulkan tokoh dan pelopor inovasi antarabangsa dalam sektor keusahawanan, yang akan sama-sama berkongsi pengalaman, pandangan dan saranan mengenai perkembangan terkini, dalam pelbagai sektor.

APA YANG MENARIK?

5,000 PESERTA PERSIDANGAN	50 PENCERAMAH	100 GEC LABS	330 BOOTH PAMERAN	6 MASTERCLASS DARI PAKAR INDUSTRI ANTARABANGSA
---------------------------------	------------------	--------------------	-------------------------	---

PENCERAMAH BERTARAF ANTARABANGSA

DR. MICHI O KAKU AHLI FALSAFAH TEORI DAN FUTURIST TERKENAL DUNIA	FLEUR PELLERIN PENGASAS KORELYA CAPITAL	STEVEN HOFFMAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF FOUNDERS SPACE DAN PENULIS BUKU TERLARIS "MAKE ELEPHANTS FLY"	SOPHIE HACKFORD PENYELIDIK DAN FUTURIST

**12 DAN 13 DISEMBER 2017, PUSAT KONVENTSYEN KUALA LUMPUR
TEMPAH TIKET PERSIDANGAN ANDA DI WWW.GECOMMUNITY.CO**

Inisiatif Di Bawah **NBOS** Sebuah Program Oleh **Dengan Kerjasama** **Dianjurkan Oleh** **Rakan Komuniti** **Disokong Oleh**

GECommunityCO **GLOBAL ENTREPRENEURSHIP COMMUNITY SUMMIT**

BLUE OCEAN SHIFT
Peserta yang berdaftar dengan #GECommunity 2017 akan menerima secara percuma buku bertajuk "Blue Ocean Shift" ditulis oleh Prof W. Chan Kim dan Renée Mauborgne yang kini laris di pasaran.